

Dasar bahasa tiada perubahan

- 9 JAN 1994

Oleh ROZAMAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 8 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak akan membuat apa-apa perubahan ke atas dasar bahasa yang ada sekarang.

Bagaimanapun katanya, keputusan kabinet minggu lalu untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam bidang sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi tetap kekal.

“Majlis Tertinggi UMNO hari ini memutuskan kerajaan tidak akan membuat apa-apa perubahan dasar berkaitan isu tersebut,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga akan memberi perhatian terhadap pandangan yang diberikan oleh Kongres Cendekiawan Melayu berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris dalam bidang sains dan teknologi itu.

“Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan, dan saranan yang dikemukakan itu,” ujarnya.

Kongres tersebut katanya, bersetuju bahawa dalam usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan beberapa langkah perlu diambil.

Semalam kira-kira 50 cendekiawan Melayu yang menghadiri mesyuarat khas badan penganjur Kongres Cendekiawan

Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Rabu lalu, menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menyatakan pandangan mereka.

Mereka yang mewakili 18 badan penganjur kongres itu telah membangkitkan persoalan sama ada kerajaan akan menukar dasar bahasa yang ada sekarang berikutan keputusan kabinet membenarkan penggunaan bahasa

Inggeris sebagai bahasa pengantar sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi.

Kongres itu juga telah mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri yang antara lain tidak menentang sebarang penggunaan bahasa asing termasuk bahasa Inggeris yang dapat membantu meningkatkan penguasaan dan perkembangan ilmu.